

BERITA

Program botani NUS baru tambah pakar tumbuhan di S'pura

SATU program minor khusus bagi tumbuhan yang ditawarkan kepada mahasiswa Universiti Nasional Singapura (NUS) bertujuan menambah bilangan pakar tumbuhan di sini, sedang negara ini membuka lebih banyak ruang hijau dan berusaha memelihara lebih banyak jenis tumbuhan yang terancam.

Program minor jurusan botani itu, yang bermula bagi tahun akademik baru pada Ogos 2023, dibangunkan bersama oleh NUS dan Lembaga Taman Negara (NParks), berlatar bilangan pakar tumbuhan sedunia dan kursus botani yang berkurangan di institusi pendidikan.

“Kami amat bergantung pada tumbuhan. Tapi, kerana kurang latihan dan pendidikan dalam biodiversiti tumbuhan, kita bak lebih berminat pada haiwan – kehidupan yang bergerak dan bukan tumbuhan,” kata Dr Amy Choong, pensyarah kanan di Jabatan Sains Biologi NUS yang sedang menyelaraskan program minor itu.

Program minor itu merangkumi sembilan kelas sedia ada berhubung pengajian biologi tumbuhan dan kulat, hortikultur dan biodiversiti atau kepelbagaian tumbuhan di rantau ini.

Mahasiswa harus mengambil dan lulus lima daripada kelas itu untuk mendapat pentauliahan.

Mahasiswa dari semua fakulti layak bagi program itu jika mereka lulus dalam subjek Biologi (H2) bagi peperiksaan GCE pe-

ringkat ‘A’ atau selepas melengkapkan kelas asas di NUS bernama Biologi Am.

Walaupun program baru itu merangkumi kelas-kelas yang sudah ditawarkan di NUS, pentauliahan program minor itu boleh memperkukuh kepakaran siswazah dalam botani.

Pengetahuan pakar ini boleh menjadi aset bagi pelajar yang ingin berkecimpung dalam bidang ini, kata Dr Chong Kwek Yan, penyelidik kanan di Kebun Bunga.

“Apabila seorang majikan melihat transkrip ijazah seseorang pelajar dan melihat pentauliahan minor, ia memberi isyarat pelajar itu telah melengkapkan kelas yang relevan bagi bidang khusus ini dan mempunyai kesungguhan dan pengetahuan bagi botani,” kata Dr Chong, yang turut mengajar kelas “Vegetation and plant diversity of South-east Asia” atau Tumbuhan dan Kepelbagaian Tumbuhan di Asia Tenggara”, yang akan dijadikan kelas wajib dalam program minor ini.

Pada Mac 2023, NParks berkata Singapura bercadang menambah sekitar 200 hektar taman semula jadi dan mula proses pemuliharaan bagi lagi 100 jenis tumbuhan menjelang 2030.

Pertanian di bandar juga kini kian mendapat sambutan di sini dalam usaha memperkukuh ketenteraman makanan dan ada permintaan tinggi bagi pakar tumbuhan di ladang yang menggunakan teknologi canggih.